KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	27.04.22	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	PERHILITAN			

SEMPENA HARI TAPIR SEDUNIA

PERKASAKAN SUARA MALAYSIA

Jumlah tapir yang ada pada hari ini dianggarkan kurang daripada 1,000 ekor

Tapir diancam pemburu haram, habitat terosot

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

KUALA LUMPUR

Tapir atau nama saintifiknya, *Tapirus Indicus* kian diancam kepupusan akibat pengecilan habitat dan kegiatan pemburuan haram.

Ketua Pengarah Jabatan Perhilitan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, jumlah tapir yang ada pada hari ini dianggarkan kurang daripada 1,000 ekor.

Menurutnya, yang jelas situasi kepupusan spesies berkenaan adalah sangat membimbangkan kerana setiap spesies memainkan peranan masing-masing.

"Kerajaan memandang serius isu kepupusan spesies hidupan liar. Kabinet Menteri pada 16 Jun 2021 telah bersetuju dengan sembilan tindakan strategik bagi konservasi Harimau Malaya khasnya termasuklah hidupan liar lain yang akan dilaksanakan untuk tempoh 10 tahun bermula tahun 2021 hingga 2030.

"Salah satu tindakan yang telah dipersetujui adalah untuk meningkatkan tadbir urus baik dan keberkesanan dalam melaksanakan konservasi spesies ikonik negara melalui penubuhan Pasukan Petugas Kebangsaan Bagi Konservasi Harimau Malaya (MyTTF) yang dipengerusikan Perdana Menteri.

"Kita percaya populasi binatang liar ini akan meningkat semula berdasarkan pemerhatian daripada pelaksanaan yang telah dibuat di negara lain," ujarnya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.



ABDUL KADIR

Beliau berkata, pada tahun 2020, Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) telah diperkukuhkan di bawah pelaksanaan Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (BP3) yang melibatkan pelantikan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), veteran Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Orang Asli sebagai renjer hidupan liar bagi membantu melaksanakan tugas operasi kawalan sempadan, rondaan dan penguatkuasaan di kawasan perlindungan Hutan Simpan Kekal di seluruh semenanjung Malaysia.

"Perhilitan melalui unit anjing pengesan (K9) juga telah mempergiatkan operasi dengan kerjasama jitu pihak Jabatan Kastan Diraja Malaysia (Kastam) terutamanya di lapangan terbang, pintu sempadan negara dan pelabuhan," katanya.

Beliau berkata, sepanjang OBK dijalankan bermula pada September 2019 hingga Februari 2022, seramai 375 orang pesalah telah ditahan di mana terdiri daripada 100 warga asing dan 275 tempatan dan daripada daripada jumlah itu seramai 35 adalah pemburu haram.



EKSKLUSIF

Tapir di Malaysia kian diancam kepupusan dan dianggarkan jumlahnya kini hanya di bawah 1,000 ekor.

Tegas Abdul Kadir, rang undang undang pindaan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar (Akta 716) telah diwartakan pada 10 Februari 2022.

"Pindaan akta ini meliputi 63 seksyen yang akan dipinda, tujuh seksyen dimansuhkan dan enam seksyen baharu. Pindaan ini juga melibatkan penyelarasan dengan Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) dan peningkatan penalti bagi kesalahan-kesalahan dengan denda maksimum sehingga RM1 juta dan penjara sehingga 15 tahun.

"Sebarang aduan dan maklumat boleh salurkan kepada Perhilitan di talian hotline **1-800-88-5151** atau e-aduan di laman web *www.wildlife.gov.my*," ujarnya.

Untuk info, Hari Tapir Sedunia disambut setiap tahun pada 27 April.

